

26 AUG 2001

Mahathir-Sastera

SASTERAWAN DAN PENULIS BERPERANAN BANTU WUJUDKAN NEGARA BANGSA

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan sasterawan dan penulis di rantau ini boleh berperanan membantu pemimpin negara masing-masing membentuk sebuah negara bangsa.

"Dalam membangunkan sebuah negara bangsa kita di Asia Tenggara, kita harus mengambil tahu tentang peri mustahaknya sejarah dan nilai-nilai kebudayaan serta kesinambungannya pada masa akan datang," katanya pada perasmian Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara di sini malam ini.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Dr Mahathir berkata, seperti masyarakat Barat, kebanyakan masyarakat di rantau ini melihat sejarah Asia Tenggara berdasarkan monumen tamadun besar dunia seperti Hindu-Buddha dan Kristian tetapi tidak melihat kebesaran dan keagungan peradaban sendiri.

Katanya, walaupun versi-versi cerita atau bentuk sastera antara negara di rantau ini berbeza-beza tetapi dari segi kandungan, pengajarannya tetap sama.

"Kita difahamkan moralnya atau natijahnya kepada masyarakat ialah bahawa dalam dunia ini yang jahat akan sentiasa dikalahkan oleh yang baik. Moraliti inilah mencorak budaya rantau ini," katanya.

Dr Mahathir berharap tiada sasterawan dan penulis yang mengambil pendirian songsang dengan menggalakkan dan menyanjung elemen jahat dan menjatuhkan elemen yang baik pula.

Katanya, moraliti yang songsang itu dipelajari dari Barat pasca moden yang mengagung-agungkan kebebasan individu, bersuara dan tidak memikirkan tentang tanggungjawab bersama.

Unsur-unsur pasca modenisme seumpama itu jika tidak dihalusi, ia boleh membahayakan pegangan masyarakat di rantau ini, katanya.

"Adalah baik bagi penulis Asia Tenggara jika dapat mendisiplinkan diri untuk mengadakan mekanisme mengawal diri bagi menulis perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan tradisi atau resam setempat, memilih dan menyaring bahan-bahan yang sesuai dengan tata susila dan budaya masyarakat," katanya.

Dr Mahathir juga menyarankan supaya penulis dan sasterawan di rantau ini dapat menulis mengenai perjuangan kemerdekaan atau menulis dengan serius pengisian kemerdekaan itu.

Katanya, tema pengisian kemerdekaan seperti soal perpaduan, politik, ekonomi, sosial dan budaya tidak ada batasanya.

"Sasterawan dan penulis harus menumpahkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang-bidang tersebut kepada masyarakat kerana ilmu pengetahuan adalah alat yang dapat membekal dan mempertingkatkan segala bentuk kemampuan bagi seseorang atau kumpulan," katanya.

Musa kemudian melancarkan laman web Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera), melancarkan buku "Orang di Jambatan" dan "People On The Bridge" serta menyampaikan Hadiah Sastera Mastera 2001.

Panel Mastera telah memilih novel Urih Pesisir karya Muslim Burmat dari Brunei, novel Mantra Pejinak Ular karya Kuntowijoyo (Indonesia) dan sebuah kajian sastera oleh Muhammad Haji Salleh (Malaysia) untuk menerima Hadiah Sastera Mastera itu.

Semuanya menerima wang tunai RM10,000, sebuah plak dan sijil.

-- BERNAMA

FA RZS FAZ